

KKR serah cadangan naik cukai kenderaan berat

BACHOK – Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menyerahkan cadangan kenaikan cukai terhadap kenderaan berat kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Kementerian Kewangan (MOF).

Timbalan Menteri KKR, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, pihaknya sebelum ini pernah mengusulkan agar semua kutipan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) disalurkan kepada kementerian berkenaan supaya dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan prasarana jalan raya.

“Cadangan kenaikan cukai

ini kita serahkan kepada dua kementerian itu,” katanya di sini pada Sabtu.

Media sebelum ini melaporkan cadangan Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia, Law Teik Hua yang mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan kenaikan cukai ke atas kenderaan yang membawa muatan berat seperti lori dan treler yang menjadi punca utama kerosakan jalan raya serta menggunakan hasil cukai itu bagi membaiki jalan yang rosak.